

19 SEP 2002

Mahathir-Belanjawan (Bergambar)

BELANJAWAN BERI TUMPUAN RANGSANG PERNIAGAAN DALAM NEGARA

PUTRAJAYA, 19 Sept (Bernama) -- Belanjawan Negara 2003 yang dibentang esok akan memberi tumpuan kepada usaha merangsang aktiviti perniagaan dalam negara serta menyediakan peruntukan lebih besar bagi pendidikan sekolah rendah dan pembangunan kaum wanita, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata tumpuan juga diberi kepada pertumbuhan ekonomi berpunca dari dalam negara dengan aktiviti perniagaan akan dipergiatkan lagi.

"Jadi tidak terlalu bergantung kepada FDI (Pelaburan Langsung Asing), malah eksport dan import pun kita (tak nak bergantung banyak sangat)," kata beliau kepada pemberita selepas meninjau persiapan terakhir penyediaan Belanjawan 2003 di Kementerian Kewangan di sini.

Beliau berkata dalam menjayakan matlamat merangsang aktiviti perniagaan dalam negara, kerajaan akan memberikan beberapa insentif termasuk insentif cukai.

Menurutnya pada masa ini, perdagangan negara adalah dua kali ganda lebih besar daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sedangkan di negara-negara maju, perdagangan luar negara adalah hanya antara 20 hingga 30 peratus daripada jumlah KDNK.

"Tapi bukan kita nak kurangkan perdagangan tapi nak bagi lain-lain (aktiviti) sumbangan (lebih besar) pada KDNK. Dan lain-lain sumbangan datang daripada dalam negeri," kata beliau.

Dalam konteks ini, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata tumpuan juga akan diberikan kepada sektor perkhidmatan termasuk industri pelancongan, pelabuhan, pengangkutan dan teknologi maklumat (IT) dengan mewujudkan perniagaan baru dalam sektor berkenaan.

"Kita nak bangunkannya (sektor-sektor ini) menjadi asas untuk perniagaan yang baru. Semua ini dengan tujuan menentukan sumbangan daripada dalam negeri meningkat lebih pesat daripada sumbangan luar negeri," katanya.

Perdana Menteri berkata dalam Belanjawan 2003, peruntukan lebih besar akan diberikan kepada pendidikan peringkat sekolah rendah berbanding pendidikan peringkat tinggi pada masa lepas.

"Ini kerana kita berpendapat bahawa pembentukan peribadi rakyat akan datang mesti bermula dari sekolah rendah," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata peruntukan lebih besar turut diberi kepada pembangunan kaum wanita di negara ini dalam Belanjawan 2003 memandangkan peranan mereka kepada pembangunan negara semakin meningkat.

"Kalau kita tengok dalam kementerian ini (Kementerian Kewangan), banyak daripada kakitangan dan pegawai terdiri dari kaum wanita. Jadi kita nak bagi peruntukan lebih besar dalam usaha membangunkan keluarga bahagia," katanya.

Mengenai persiapan bagi pembentangan belanjawan itu, Dr Mahathir yang menghabiskan hampir 30 minit melawat beberapa tempat termasuk bahagian percetakan, berkata semua akan siap menjelang esok.

"Semua dokumen dan laporan sudah siap. Malam ini buat ucapan...terjemahan ke bahasa Inggeris...tapi kementerian bagi jaminan semuanya akan siap esok dan mereka akan kerja sampai esok pagi," kata beliau dan menambah teks ucapan Belanjawan 2003 itu lebih tebal sedikit.

Dalam tinjauan itu, Dr Mahathir turut diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta kedua-dua Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr

Shafie Salleh dan Datuk Chan Kong Choy.

Mengenai dakwaan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa terdapat pegawai kanan kerajaan memberi maklumat kerajaan bagi membantu pembangkang merangka apa yang dinamakan mereka sebagai "Strategi Belanjawan Alternatif 2003", Dr Mahathir berkata pihak yang bertanggungjawab akan dikenakan tindakan jika dakwaan itu benar.

"Saya tak tahu sama ada benar atau tidak benar (dakwaan itu)..tapi kalau dia sengaja menghasut pegawai, itu adalah satu kesalahan. Sama juga kalau pegawai itu telah mendedahkan sesuatu rahsia kerajaan, itu (adalah) salah... tapi orang yang sengaja ini boleh dikatakan bersubahat," katanya.

Perdana Menteri berkata perbuatan itu harus dielakkan.

"Kalau (pegawai) macam ini kita ada, payahlah nak ada kerajaan. Esok kalau dia (pembangkang) jadi kerajaan pun, dia akan dapati orang nanti dedah segala-gala yang dia lakukan, dia pun tentu marah."

"Jadi jangan buat benda yang kita sendiri tak suka kalau berlaku nanti pada kita.Tak baiklah...janganlah bayar duit kepada pegawai untuk dapat maklumat dan sebagainya. Ini benda yang salah," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV RV NAK